


<b>Headline</b>	<b>KONSERVASI PANDA GERGASI</b>		
<b>MediaTitle</b>	Kosmo		
<b>Date</b>	02 Jul 2014	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	Kosmo 2	<b>Circulation</b>	218,251
<b>Page No</b>	49to51	<b>Readership</b>	654,753
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	2327 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	ALIFABU BAKAR	<b>AdValue</b>	RM 29,833
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 89,499



Headline	KONSERVASI PANDA GERGASI		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	49to51	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	2327 cm <sup>2</sup>
Journalist	ALIFABU BAKAR	AdValue	RM 29,833
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,499

KEHADIRAN dua ekor panda ini membantu memupuk kesedaran orang ramai berhubung haiwan yang diancam kepupusan.

# Penghuni baharu Zoo Negara

Oleh ALIF ABU BAKAR  
alif.abubakar@kosmo.com.my

“EBU rasa macam nak pi-eit-picit sahaja,” seloroh Mohd. Syukri Yusof, 29, berkongsi secara ringkas pandangannya terhadap panda gergasi yang pernah dilihatnya ketika berkunjung ke Ocean Park, sebuah taman tema di Hong Kong.

Berpeluang menyaksikan sendiri ge-lagat haiwan daripada kumpulan be-ruang itu pada tahun lalu, Mohd. Syukri menyifatkan fizikal panda memang me-nyerupai patung beruang yang selama ini dijual kedai-kedai permainan.

Seperti Mohd. Syukri, sebelum ini, orang Malaysia yang berhajat melihat panda perlu terbang ke luar negara. Ia boleh ditemui di 17 buah zoo di 13 negara tidak termasuk China.

Namun sejak 21 Mei lalu, rakyat di negara ini tidak lagi perlu ke luar negara semata-mata untuk melihat panda. Dua ekor haiwan dalam Senarai Merah Pertubuhan Antarabangsa Bagi Pemuliharaan Alam Sekitar dan Sumber Semula Jadi (IUCN) itu kini berada di Zoo Negara, Hulu Klang, Selangor dan dibuka untuk lawatan umum bermula 27 Jun lalu.

Kedatangan Fu Wa (jantan) dan Feng Yi (betina) yang bertukar nama masing-masing kepada Xing Xing bermak-sud makmur dan Liang Liang bererti cantik ke negara ini adalah hasil Perjanjian Kerjasama Konservasi Anta-rabangsa Panda Gergasi yang ditan-

datangani Malaysia dan China pada Jun 2012.

Menerusi perjanjian itu, kedua-dua ekor panda yang bakal mencecah usia 8 tahun menjelang 23 Ogos depan itu dipinjamkan kepada Malaysia selama 10 tahun. Ia menjadikan Malaysia ne-gara ke-14 dan Zoo Negara sebagai zoo ke-18 di seluruh dunia yang diberi peng-hormatan untuk ‘mengasuh’ sementara hidupan terancam tersebut.

Selain statusnya selaku simbol ke-akraban Malaysia dan China dalam hubungan diplomatik rasmi selama 40 tahun sejak 31 Mei 1974, peranan Xing Xing dan Liang Liang perlu dilihat daripada pelbagai skop.

Berdasarkan statistik terakhir oleh Dana Hidupan Liar Sedunia (WWF) pada tahun 2004, terdapat kira-kira 1,600 ekor panda masih hidup di hidupan liar. Populasi haiwan yang turut menjadi logo rasmi WWF sejak penubuhannya pada 1961 itu di zoo, pusat konservasi (pemu-liharaan), perlindungan dan kajian di seluruh dunia di-anggarkan lebih 300 ekor dengan majoritinya di China.

## Menguntungkan

Ancaman kepupusan kritikal yang dialami panda juga diketahui **Lokman Hakim Bustan Ariffin**, 37, yang ba-nya memperoleh maklumat berhubung haiwan omnivor

itu daripada rancangan do-kumentari televisyen seperti *National Geographic*.

Berbeza dengan segelintir rakyat Malaysia yang mem-persoalkan relevan pinjaman Xing Xing dan Liang Liang ke Malaysia, pegawai Tenaga Nasional Berhad itu melihat pelaburan bernilai RM25 juta bagi membina Pusat Konser-vasi Panda Gergasi (Kompleks Panda) di Zoo Negara sebagai satu bentuk peluang yang menguntungkan banyak pihak.

“Cuba kita lihat dari sudut pendidikan. Kunjungan orang ramai khu-susnya pelajar sekolah ke kompleks itu dapat meningkatkan pengetahuan mereka terhadap konservasi ke atas hi-dupan yang diancam kepupusan se-perti panda.

“Tahap kesedaran orang kita ter-hadap isu ini masih rendah dan jika peluang ini digunakan sepenuhnya, ti-dak mustahil dalam tempoh sedekad, kefahaman, pengetahuan dan sikap am-bil peduli rakyat Malaysia akan me-ningkat,” demikian pendapat peribadi Lokman Hakim ketika dihubungi *Kos-mo!*

Xing Xing dan Liang Liang berpo-tensi besar menjadi pelonjak dominan buat hidupan liar lain yang diancam kepupusan seperti harimau belang un-tuk menerima perhatian sewajarnya

daripada rakyat Malaysia.

“Dengan adanya panda, secara tidak langsung ia dapat mempromosikan haiwan-haiwan terancam lain yang ada

di Zoo Negara sekali gus meningkatkan tahap kesedaran awam,” tambah Lok-man Hakim.

Kerajaan juga boleh menggunakan

tempoh pinjaman itu untuk menjalankan penyelidikan ke atas panda bagi tujuan pembangunan kepakaran dalam bidang veterinar dan sumba-

Headline	KONSERVASI PANDA GERGASI		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	49to51	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	2327 cm <sup>2</sup>
Journalist	ALIFABU BAKAR	AdValue	RM 29,833
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,499

ngan kepada perkembangan konservasi haiwan itu di peringkat global.

Siapa tahu, mungkin dalam tempoh sedekad, Malaysia mampu mengeluarkan pakar veterinar yang arif tentang panda seperti yang dimiliki China. **Dr. Li Caiwu** antara pakar veterinar republik negara itu yang dihantar ke Malaysia bagi memantau perkembangan Xing Xing dan Liang Liang.

Caiwu yang juga berkongsi kepakarannya bersama beberapa pakar veterinar di Zoo Negara turut mendedahkan bahawa setiap panda mengambil masa enam bulan hingga setahun untuk menyesuaikan diri di tempat baru.

"Jika selera makannya dapat dikenal pasti dan dikawal sepenuhnya, boleh dikatakan hampir 90 peratus masalah penyesuaian berjaya diselesaikan."

"Setakat ini Xing Xing dan Liang Liang memberi respons positif berhubung corak pemakanannya di sini," dedah Caiwu yang juga pernah membantu proses penyesuaian panda di Hong Kong dan Jepun.

Disebabkan sifat semula jadinya yang suka bergerak secara bersendirian, maka Xing Xing dan Liang Liang ditempatkan dalam kurungan bersingan. Setiap kandang dibina menyerupai habitat asal termasuk pokok-pokok yang ditanam mengikut spesifikasi saranan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Buat masa ini, hanya air terjun buatan yang ditutup untuk sementara. Bunyi bising air terjun itu membuatkan ia menyorok ketakutan."

"Selain bunyi bising, panda juga sensitif terhadap cahaya," kongsikan Peng-

rah Zoologi dan Veterinar bagi Pusat Konservasi Panda Zoo Negara, **Dr. Mat Naim Ramli**.

Setiap hari, Xing Xing dan Liang Liang diberi makan 30 kilogram (kg) buluh setiap seekor. Amaun itu dipecahkan kepada lapan waktu makan iaitu 8 dan 10 pagi, 12 tengah hari, 2, 4 dan 6 petang serta 8 dan 10 malam.

Kira-kira 4kg buluh diberikan untuk setiap waktu makan dan sekiranya ia

tidak makan dalam sehari, beratnya berasih 1,300 rumpun.

### Buluh betung

Ia juga sangat cerewet perihal makanan tetapi seleranya tidak berubah-ubah cuma menjelang musim tertentu, ia akan lebih menggemari daun berbanding batang buluh.

Kini, Xing Xing dan Liang Liang menggemari buluh betung yang diambil dari Linggi, Negeri Sembilan. Tambahan Mat Naim, stok buluh itu diambil untuk kegunaan seminggu meliputi enam hingga lapan rumpun dengan berat serumpan mencecah 60kg.

Bagi mengekalkan kesegarannya, buluh berusia dua tahun ke atas itu disimpan di dalam peti bersuhu 10 hingga 15 darjah Celsius.

"Kita pernah memberi Xing Xing dan Liang Liang buluh aur, tetapi ia memakan batangnya sahaja. Buluh botol pula hanya daun yang dimakan," jelas Mat Naim yang mengatakan, tidak kira

apa jenis buluh yang dimakan panda, amanah yang diberikan perlu signifikan.

Selain buluh, kek buluh rendah gula yang menggunakan resipi sama di China turut diberikan setiap tiga hari. Kek seberat 300 gram (g) sebijinya diberikan enam kali sehari dengan purata berat menghampiri 2kg.

Sebelum Zoo Negara dipertanggungjawabkan menjaga dua ekor panda itu, kerajaan terlebih dulu bercadang untuk membina prasarana khusus di Putrajaya.

Begitupun, lokasi infrastruktur kemudiannya dipindahkan ke Zoo Negara selepas mengambil kira fungsinya dalam tempoh sedekad.

Berpandukan pelan asal itu juga, lokasi penanaman buluh telah dipusatkan di Paya Indah Wetlands (PIW) di Dengkil, Selangor dan projek penanaman buluh di situ masih diteruskan.

Terdapat enam spesies buluh yang ditanam khas untuk dua ekor panda itu di PIW. Daripada keluasan 450.76 hektar, lima plot berkeluasan 6.8 hektar di PIW digunakan untuk menempatkan buluh betung, pagar, madu, siam, botol dan betung.

Dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi, PIW akan bertindak selaku pembekal utama buluh kepada dua ekor panda tersebut. Buat masa ini, buluh pagar mendominasi bilangan dengan le-

Menurut Pegawai Penyelidik Kanan Cawangan Pengurusan Hutan Ladang, Bahagian Bioteknologi FRIM, **Abd. Razak Othman**, penanaman buluh pagar pada asalnya adalah mengikut selera panda di zoo Thailand dan Singapura.

"Kita jangkakan cita rasa Xing Xing dan Liang Liang sama selepas mengambil kira faktor cuaca dan jenis tanah. Namun, akhirnya dua ekor panda ini lebih menggemari buluh betung, sama seperti panda di China."

"Saiz buluh pagar lebih kecil dan mungkin selepas tiga atau empat tahun, kita akan cuba perkenalkannya kepada Xing Xing dan Liang Liang,"

kongsikan Abd. Razak ketika ditemui Kosmo! di PIW.

Kira-kira 660 rumpun buluh betung yang ditanam di PIW itu pula merupakan benih yang diperoleh dari Linggi. Selepas diselidik Abd. Razak, benih buluh betung itu difahamkan dibawa dari Thailand yang dikhurasukan untuk mengeluarkan rebung. Justeru, buluhnya secara semula jadi menjadi manis.

Kebiasaannya, sebanyak 90 hingga 95 peratus buluh matang tanpa sebarang masalah. Namun ia tetap bergantung kepada keadaan tanah di PIW yang agak bermasalah kerana ia merupakan bekas lombong bijih timah.


"Perosak utama buluh ini ialah babi hutan kerana ia memakan rebung," dedah Abd. Razak.

### Info

#### Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara

- Berkeluasan 6,000 meter persegi
- Bernilai RM25 juta dan dibangunkan bersama 1Malaysia Development Berhad (RM15 juta) dan kerajaan Malaysia (RM10 juta)
- **Tiket masuk:** RM20 (dewasa) dan RM10 (kanak-kanak)
- **Waktu operasi:** 9 pagi hingga 5 petang (setiap hari)
- **Alamat:** Zoo Negara, Hulu Klang, 68000 Ampang, Selangor
- **Telefon:** 03-4108 3422
- **Laman web:** [www.zoonegaralamaysia.my](http://www.zoonegaralamaysia.my)

<b>Headline</b>	<b>KONSERVASI PANDA GERGASI</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>02 Jul 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Kosmo 2</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Page No</b>	<b>49to51</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>2327 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>ALIFABU BAKAR</b>		
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 29,833</b>
		<b>PR Value</b>	<b>RM 89,499</b>



# Sasar kutipan RM10 juta setahun

KEWUJUDAN Pusat Konservasi Panda Gergasi (Kompleks Panda) dijangka bakal meningkatkan jumlah pengunjung dan jualan tiket Zoo Negara.

Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly Ahmat Lana memberitahu, hanya 150 pengunjung dibenarkan berada dalam kompleks itu pada satu-satu masa. Setiap pengunjung diperuntukkan 20 minit untuk melihat Xing Xing dan Liang Liang.

Sepanjang tempoh tersebut, pengunjung akan diberi penerangan bertentuk pendidikan oleh kakitangan Zoo Negara sambil menyaksikan gelagat Xing Xing dan Liang Liang dengan lebih dekat.

Dalam tempoh itu juga boleh digunakan pengunjung untuk membeli-belah di kedai cenderahati dan



ROSLY

menjamu selera di kafe yang terletak di tingkat bawah.

Penetapan waktu melawat panda itu dibuat bagi mengawal jumlah keluar masuk pengunjung pada satu-satu masa agar ia tidak terlalu padat sehingga mewujudkan tekanan kepada dua ekor panda berkenaan.

Menerusi jangkaan awal, seramai 192,000 pengunjung dijangka hadir ke kompleks itu pada hari Isnin hingga Jumaat dalam tempoh setahun dengan purata kedatangan harian seramai 800 orang. Jumlah itu mampu memberi pulangan kutipan menccah RM3 juta.

Pada hari Sabtu dan Ahad pula, dianggarkan kira-kira 3,500 orang bakal memenuhi kompleks berkenaan, manakala pada hujung

minggu dan menjelang setahun ia mampu mencapai kutipan sehingga RM5.7 juta. Jika kutipan cuti umum dan cuti sekolah diambil kira, aman itu diramalkan mampu mencecah RM7 juta.

"Kutipan tiket masuk untuk kompleks panda sahaja kita sasarkan mencecah RM10 juta setahun. Namun untung bersih yang kita peroleh hanya boleh dibuat selepas menolak pelbagai kos penyelenggaraan termasuk bil elektrik dalam lingkungan RM2 juta setahun," jelas Rosly ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

HANYA 150 pengunjung dibenarkan berada di dalam Kompleks Panda pada satu-satu masa.



ABD. RAZAK menjelaskan penanaman jenis buluh adalah mengikut selera panda.

<b>Headline</b>	<b>KONSERVASI PANDA GERGASI</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Date</b>	<b>02 Jul 2014</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Section</b>	<b>Kosmo 2</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Page No</b>	<b>49to51</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>2327 cm<sup>2</sup></b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 29,833</b>
<b>Journalist</b>	<b>ALIFABU BAKAR</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 89,499</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>		



POKOK buluh aur atau minyak yang ditanam di Paya Indah Wetlands.



LOKMAN HAKIM




MAT NAIM mencuba pokok buluh betung yang akan diberi makan kepada panda.

BAWAH: Pokok buluh betung makanan yang digemari panda.



CAIWU



PANDA cukup sensitif dengan bunyi bising dan cahaya.

<b>Headline</b>	<b>KONSERVASI PANDA GERGASI</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>02 Jul 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Kosmo 2</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Page No</b>	<b>49to51</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>2327 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>ALIFABU BAKAR</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 29,833</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 89,499</b>



**ORANG** ramai kini berpeluang melihat panda lebih dekat di Zoo Negara.